

KONSEP WASIAT

Wasiat ialah pindah milik harta atau manfaat harta secara percuma yang berkuatkuasa selepas kematian pewaris tersebut.

WASIAH SEBAGAI INSTRUMEN PERANCANGAN HARTA

Wasiat merupakan instrumen perancangan harta kerana ia boleh digunakan dalam keadaan

1) Ahli keluarga yang tidak dapat mewarisi harta pusaka disebabkan perbezaan agama atau terhalang dengan waris yang lebih dekat.

2) Seseorang yang memiliki harta yang banyak dan berhasrat agar harta itu dikekalkan dalam bentuk yang asal yang mana harta tersebut tidak akan dijual untuk dibahagi-bahagikan hasil jualannya kepada ahli waris dengan kadar agihan faraid.

3) Seseorang yang ingin membuat amal jariah selepas kematian boleh mewasiatkan bahagian hartanya (tidak melebihi kadar satu pertiga harta) kepada badan-badan tertentu.

PROSEDUR WASIAT

- Melaksanakan undang-undang wasiat berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri dan Perlembagaan Persekutuan.

- Terdapat tiga negeri yang mempunyai undang-undang khusus mengenai wasiat:

- 1) Selangor - Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2004
- 2) Negeri Sembilan - Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 yang berkuatkuasa pada 5 November 2004
- 3) Melaka - Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 2005.

PEMBENTUKAN WASIAT

1) Permohonan
Permohonan perlu dibuat dengan mengisi borang Permohonan Wasiat (Borang A) serta melampirkan dokumen sokongan.

2) Dokumen Sokongan dan Saksi
Dokumen perlu disertakan beberapa dokumen sokongan iaitu salinan sah dokumen pengenalan diri

3) Pendafutan
Pemohonan Wasiat yang diterima akan didaftarkan ke dalam Daftar Wasiat Seksyen 6(1), kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat.

4) Penyediaan Dokumen Wasiat
Wasiat perlu melengkapkan dokumen wasiat bertulis dengan mengisi maklumat peribadi serta pengakuan pewasiat.

5) Penyimpanan
Dokumen wasiat bertulis hendaklah dibuat dalam dua salinan untuk simpanan MAIS dan pewasiat.

6) Pindaan atau Pembatalan Wasiat
Pewasiat mempunyai hak untuk membatalkan wasiat samada melibatkan keseluruhan dan sebahagian daripadanya.

7) Pengemaskinian Status Pewasiat
manapun Pihak MAIS akan merekod setiap maklumat daripada pewasiat dalam bentuk bertulis atau lisan dalam tempoh setiap 3 hingga 6 bulan sekali

PELAKSANAAN WASIAT

1) Penyeriman
Ahli keluarga perlu memberitahu pihak MAIS mengenai kematian pewasiat dengan mengemukakan sijil kematian pewasiat

2) Pembacaan Wasiat
Dalam pembacaan wasiat, pihak MAIS perlu memaklumkan jumlah sebenar harta pewasiat bagi mengelakkan berlaku percanggahan.

3) Siasatan
Pihak MAIS akan menjalankan siasatan ke atas seluruh harta pewasiat dan memastikan kewujudan penerima wasiat.

4) Penilaian Harta
Penilaian harta dilakukan bertujuan mendapatkan nilai sebenar harta wasiat yang merangkumi harta tak alih dan harta alih.

5) Pengesahan Wasiat
Pengesahan wasiat akan disahkan oleh makhamah syariah

6) Pelaksanaan Wasiat
manapun pihak MAIS bertanggungjawab dalam melaksanakan apa-apa yang diamanahkan kepadaanya.

By **zawawizaki**

cheatography.com/zawawizaki/

Not published yet.

Last updated 27th June, 2020.

Page 1 of 1.

Sponsored by **ApolloPad.com**

Everyone has a novel in them. Finish Yours!

<https://apollopad.com>